

TARIKH: 5/9/23  
SURAT KHABAR: Berita Harian.  
MUKA SURAT: 14.

# Tuntut tunggakan gaji RM195,646.33

**ta Bharu:** Seorang bekas pemantu rumah Indonesia memuat tuntutan saman sivil terhadap bekas majikannya kerana tidak dibayar gaji selama sembilan tahun yang berjumlah RM195,646.33.

Bekas pembantu rumah ber-namaan yang juga plaintif, Derfi silisin, 36, seorang warganegara Indonesia membuat tuntutan itu terhadap bekas majikannya selaku defendan, Koon Aik, 48, di Mahkamah Sesyen, di sini, semalam.

Derfi memfailkan dua tuntutan berasingan, iaitu gaji sebagai pembantu rumah berjumlah RM92,275.36 dan sebagai pekerja kedai aksesori bernilai RM103,370.97.

**Ganti rugi khas RM50,000**

Dalam tuntutannya itu, Derfi ketika memberi keterangan sebagai saksi utama pada perbicaraan hari pertama di hadapan Hakim Mohd Zul Zakiqudin Zulkifli berkata, dia diambil bekerja sebagai pembantu rumah

sejak 2011 oleh majikannya melalui ejen pekerjaan dan ditawarkan sebagai pembantu rumah.

Katanya, dia ditawarkan gaji awal sebanyak RM600 sebulan dan kenaikan gaji RM50 setahun dan sehinggalah akhir perkhidmatannya sebanyak RM1,100 sebulan.

Sepanjang berkhidmat, dia mendakwa tidak diberi tempat tidur yang selesa, malah turut diberi makan hanya sekali sehari dan diperlakukan dengan

tindakan kasar, termasuk dimarah dan ditampar majikannya.

Justeru, Derfi menuntut ganti rugi am bagi kesakitan dan penderitaan dialaminya serta ganti rugi khas lebih RM50,000 bagi kehilangan pendapatan, perbelanjaan lain yang akan ditaksir oleh mahkamah.

Derfi yang diwakili peguam, Alias Ibrahim, Md Faiez Md Suhaimi dan Ahmad Mustaqim Zaki, manakala defendan diwakili peguam, Tara Singh Delip Singh.

5/9/23

Berita Harian  
ms 14